



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit  
06550 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000  
Faks : 04-7001011/1068/1021  
Helpdesk : 04-7352849/4012  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj. Kami : ANM/KD/OPS/179 Jld.2 (35)  
Tarikh : 20 Februari 2024

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/  
Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Kedah Darul Aman

Ybhg. Datuk/Dato'/ Datin/Ybrs. Dr/ Tuan /Puan,

**PEMANTAUAN AKAUN PUKAL DAN TUNTUTAN LEBIHAN BAYARAN PUKAL**

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Bayaran Pukal merupakan kemudahan bayaran bil secara berpusat melibatkan agensi pukal yang telah diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan tertakluk kepada Perjanjian Kemudahan Pukal yang berkuat kuasa. Memandangkan bayaran diproses secara berpusat oleh JANM Kedah, Jabatan ini mendapati masih terdapat PTJ yang tidak membuat pemantauan keatas status akaun pukal yang didaftarkan dan tidak melaksanakan semakan silang bil/invois sebenar dengan Laporan Bulanan Pembayaran Pukal.

3. Sehubungan dengan itu, semua PTJ adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi tatacara pengurusan bayaran pukal sepertimana SPANM 5/2023 (Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran Pukal - Lampiran E). Antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh PTJ adalah seperti berikut:

BIL	ISU	TINDAKAN
a.	Akaun tidak aktif (Cth: perubahan premis / penutupan PTJ / akaun tidak lagi diperlukan)	i. Tutup/batal akaun dengan agensi pukal ii. Kemaskini/Hapus akaun didalam sistem iGFMAS iii. Pastikan semua amaun tunggakan dijelaskan secara Invois Tanpa Pesanan Tempatan (K2)
b.	Kesilapan caj kod perakaunan / aktiviti	i. Sediakan Baucar Jurnal ke kod perakaunan /aktiviti yang sepatutnya ii. Kemaskini Akaun Pukal didalam sistem iGFMAS
c.	Bil/Invois terlebih caj / terdapat lebihan bayaran (berbaki kredit)	i. PTJ perlu kemukakan tuntutan bayaran balik (refund) daripada agensi Pukal melalui Pejabat Perakaunan  ii. <b>Agensi Pukal selain Agensi Penerbangan</b> - Format surat tuntutan (Lampiran E5) - <i>Template Excel</i> (Lampiran 1) - Lampiran E5 dan Lampiran 1 dihantar secara e-mel kepada JANM Kedah

**TINDAKAN**


- c. Bil/Invois terlebih caj / terdapat lebih bayaran (berbaki kredit)
- iii. **Agensi Pukul Penerbangan (WPUA)**
- Lebihan bayaran biasanya disebabkan oleh "No Show Passengers"
  - PTJ perlu patuhi Pekeliling Perbendaharaan WP2.5 serta tatacara pengurusan "No Show Passengers" semasa yang berkuat kuasa dan pindaannya
  - Format surat tuntutan (Lampiran E4) terus kepada agensi penerbangan, dan pemakluman/notifikasi kepada JANM Kedah.
- iv. PTJ bertanggungjawab memastikan Agensi Pukul mengemukakan pemakluman pembayaran balik (refund) kepada Pejabat Perakaunan bagi amaun yang dikreditkan ke Akaun Bank Terimaan Utama Pejabat Perakaunan.
- v. Tindakan kontra (set-off) dengan Bil/Invois bulan berikutnya tidak dibenarkan

4. Kerjasama Ybhg. Datuk/Dato'/ Datin/Ybrs. Dr/Tuan/Puan adalah dipohon bagi memastikan PTJ dibawah seliaan Ybhg. Datuk/Dato'/ Datin/Ybrs. Dr/Tuan/Puan mematuhi pekeliling dan arahan yang berkuat kuasa amatlah dihargai. Sila hubungi Unit Pengurusan Dana di talian 04-7001000 ext 141/142/182 atau melalui e-mel dana\_kdh@anm.gov.my.

Sekian terima kasih.

**" MALAYSIA MADANI "**  
**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**  
**"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,



**MOHD AMRAN BIN ABD GHANI** C.A.(M), CPA(M), BCN  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Kedah Darul Aman